

Laporan Ketua Audit Negara 2010 dipertahankan

KOTA KINABALU: Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang mempertahankan Laporan Ketua Audit Negara 2010 berkaitan Pusat Fidlot Nasional (PFN) dan agensi lain yang bermasalah walaupun ada pihak melemparkan kritikan selepas laporan itu mendapat reaksi pelbagai pihak.

Katanya, laporan itu dilakukan secara telus oleh juruaudit awam profesional berpandukan piawaian audit antarabangsa.

“Kita yakin apa yang dibuat berdasarkan piawaian tinggi dan tidak berlaku sebarang kekeliruan. Yang keliru orang lain kerana mereka tidak baca laporan kita sepenuhnya selain ada yang salah tafsir tetapi tidak mendapatkan penjelasan daripada kami.

“Itu yang sebenarnya timbul kerana saya yakin juruaudit kita dilatih untuk memastikan hasil kerjanya boleh dipertahankan. Oleh itu, saya ingin menegaskan kami membuat kerja dengan telus dan tanpa prejedis terhadap mana-mana pihak,” katanya.

Ambrin berkata demikian kepada pemberita selepas majlis perasmian Mesyuarat Jawatankuasa Institusi Audit Tertinggi ASEAN (ASEANSAI), di sini semalam.

Hadir sama, Ketua Audit Republik Indonesia yang juga Pengurus ASEANSAI, Ds Hadi Pernomo; Ketua Audit Brunei yang juga Naib Pengurus ASEANSAI, Pengiran Abdul Rahman Pengiran Mat dan Pengarah Pejabat Audit Sabah, Juhari Harun.

Bagaimanapun, beliau mengakui tidak dapat mengawal atau mengenal pasti tujuan orang ramai menggunakan laporan dieluarkan jabatan itu untuk tujuan tertentu, selain juga tidak tahu bagaimana ia digunakan.

“Saya ingin tegaskan laporan kita telus dan boleh dibaca dalam laman web. Sesiapa saja tanpa mengira tempat boleh mengakses laporan ini.

“Kadang-kadang kita tak cakap, mereka kata kita cakap dan itu yang menimbulkan masalah,” katanya sambil mengesahkan pengauditan dibuat berdasarkan fakta dan dokumen.